

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/06/25 - 29

### PERINGATAN PENGEMUKAAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI INDIVIDU YANG MEMPUNYAI PENDAPATAN PERNIAGAAN

Cyberjaya, 25 Jun – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memberikan peringatan kepada semua pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan perniagaan agar segera mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) mereka sebelum tarikh akhir pada 30 Jun 2019.

Namun demikian, sekiranya mereka memilih untuk mengemukakan BNCP mereka melalui sistem e-Filing, LHDNM memberikan tambahan masa pengemukaan borang sehingga 15 Julai 2019.

Sehubungan itu, bagi pembayar cukai yang memerlukan lebih masa untuk penyediaan akaun pendapatan perniagaan dan membuat pengiraan cukai pendapatan mereka, LHDNM menggalakkan mereka untuk memilih sistem e-Filing sebagai kaedah pengemukaan BNCP mereka. Pengemukaan BNCP melalui sistem e-Filing ini bukan sahaja memudahkan urusan pembayar cukai, malah ia turut dapat membantu mereka membuat pengiraan cukai yang lebih tepat serta menjimatkan kos dan masa. Di samping itu, bagi pengemukaan BNCP melalui e-Filing yang tidak memerlukan semakan lanjut, proses pembayaran balik cukai terlebih bayar (sekiranya ada) adalah lebih pantas iaitu dalam tempoh 30 hari bekerja berbanding pengemukaan borang secara manual iaitu sehingga 60 hari bekerja.

Sehingga 25 Jun 2019 pukul 10.00 pagi, bilangan BNCP Tahun Taksiran 2018 yang telah diterima daripada pembayar cukai individu ialah sekitar 3.339 juta borang. Angka ini menunjukkan peningkatan hampir 11% berbanding penerimaan dalam tempoh yang sama tahun lepas iaitu hanya sekitar 3.017 juta borang.

Daripada bilangan 3.339 juta BNCP pembayar cukai individu ini, sekitar 284 ribu borang adalah Borang B yang diterima dari pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan perniagaan. Angka ini turut menunjukkan peningkatan hampir 17% berbanding penerimaan Borang B dalam tempoh yang sama tahun lalu iaitu hanya sekitar 243 ribu borang.

### **Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS)**

Fasa Pertama Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) dengan kadar penalti atas jumlah cukai sebanyak 10% telah dilanjutkan oleh kerajaan sehingga 30 Jun 2019. Begitu juga dengan Fasa kedua dengan kadar penalti atas jumlah cukai sebanyak 15% yang akan bermula pada 1 Julai dan akan berlangsung sehingga 30 September 2019.

PKPS ini merupakan kaedah penyelesaian yang disediakan oleh kerajaan kepada rakyat yang mempunyai isu pematuhan cukai terutamanya kepada pembayar cukai yang mempunyai akaun bank di luar negara yang mana punca pendapatan dalam akaun tersebut adalah dari dalam Malaysia dan cukai pendapatannya masih belum diisytiharkan.

Sehubungan itu dalam tempoh PKPS Fasa Pertama yang berbaki kurang satu minggu ini LHDNM turut ingin menasihatkan pembayar cukai yang mempunyai isu pematuhan cukai agar segera menyertai PKPS di mana-mana cawangan LHDNM dan laporkan



pendapatan sepatutnya. Sekiranya tidak sempat berbuat demikian, pembayar cukai masih boleh melakukannya dalam PKPS Fasa Kedua dengan kadar penalti sebanyak 15%.

LHDNM ingin mengulangi komitmen bahawa setiap pengakuan sukarela yang dilaporkan akan diterima dengan suci hati dan tiada semakan lanjut akan dilakukan terhadap pengakuan sukarela tersebut.

Untuk sebarang keterangan lanjut, sila :

- i. Kunjungi Pejabat LHDNM yang berhampiran;
- ii. Hubungi Hasil Care Line LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau 603-8911 1100 (Luar Negara); atau
- iii. e-mel pertanyaan kepada: [pengakuansukarela@hasil.gov.my](mailto:pengakuansukarela@hasil.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Sabin bin Samitah**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

25 Jun 2019

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube

**Sila hubungi:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 25 Jun 2019**



/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube